

Soalan No: 23

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN HAJI HASBI BIN HAJI HABIBOLLAH
[LIMBANG]
TARIKH : 16.11.2017
SOALAN :

Tuan Haji Hasbi Bin Haji Habibollah [Limbang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan dapatkah Kementerian mewujudkan modul-modul khas tentang 'module higher thinking' dan pengenalan kepada 'gifted student' di maktab-maktab perguruan dan IPTA sebelum mereka menamatkan pengajian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mempunyai tiga (3) Institut Pendidikan Guru Kampus (IPGK) yang berperanan sebagai Pusat Kecemerlangan Kemahiran Berfikir (PKKB) iaitu IPGK Ilmu Khas, IPGK Tun Abdul Razak dan IPGK Pulau Pinang. Pusat kecemerlangan ini berfungsi sebagai pusat latihan pembangunan profesionalisme untuk meningkatkan kompetensi dan kecemerlangan pensyarah IPG, guru pelatih dan guru sekolah. Tiga (3) IPGK tersebut turut menyelaras aktiviti pembudayaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dan pengajaran dan pembelajaran (PdP) abad ke-21 antara IPG Kampus dan sekolah terpilih. Modul-modul serta kit berkaitan kemahiran berfikir

telah dibangun untuk pensyarah serta pelajar IPG. Di samping itu juga, pelajar yang mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) di IPG turut diberi pendedahan dan penekanan mengenai KBAT melalui integrasi dalam subjek dan dalam latihan mengajar (praktikum).

RJM58